

17 MAY 1998

DR MAHATHIR SELAMAT JALANI PEMBEDAHAN KECIL DI KAKI KIRI

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah selamat menjalani pembedahan kecil untuk membuang darah beku di buku lali kirinya di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras malam tadi.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, keadaan Perdana Menteri adalah baik dan beliau dinasihatkan oleh doktor supaya berehat untuk beberapa hari.

"Pembedahan dibuat pada pukul 9.30 malam dan ketulan darah itu telah dapat dikeluarkan. Tiada apa-apa kerosakan pada tulang atau sendi beliau," menurut kenyataan itu.

Dr Mahathir dijangka dibenarkan pulang dalam masa dua atau tiga hari lagi.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir tertendang ketulan batu dan mengalami luka di buku lali kirinya, menyebabkan kakinya bengkak.

Kejadian itu berlaku Khamis lepas iaitu sehari sebelum lawatan rasmi Perdana Menteri ke Mesir dan Sudan.

Sekembalinya Dr Mahathir ke tanah air semalam, beliau diperiksa di HUKM oleh doktor-doktor pakar dan mereka berpendapat pembedahan kecil perlu dibuat untuk mengeluarkan darah yang terkumpul di buku lali kirinya yang cedera.

-- BERNAMA

HS AKD